

SUMBANGAN NIZAMIYYAH INSTITUTE TERHADAP PERKEMBANGAN MASA HADAPAN WACANA PENDIDIKAN AKIDAH MASYARAKAT AWAM

NurFarzana Nizam

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
nurfarzanalizam95@gmail.com

Rasyidah Mat Zin

Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
dast.matzin@gmail.com

Muhammad Hazim Mohd Azhar

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
hazimazhar2016@gmail.com

Article history:

Received : 4 May 2023

Accepted : 18 October 2023

Published : 8 December 2023

Abstrak

Akidah merupakan teras kepercayaan dan keberagamaan bagi setiap individu Muslim. Ia menjadi titik utama sahnya segala amalan ibadah dalam kehidupan. Pegangan akidah yang sahih dan mantap turut berperanan melahirkan individu Muslim yang baik seterusnya membentuk kesepaduan dan keutuhan ummah. Namun, dewasa ini sering kali kedengaran pelbagai isu berkaitan dengan kekeliruan dan pencemaran akidah dalam kalangan masyarakat Muslim berpunca daripada kepelbagaian sumber yang longgar didedahkan kepada masyarakat awam. Di masa hadapan, perkara ini jika dipandang enteng, akan berlakunya pelbagai implikasi seperti kerosakan akidah, keruntuhan moral dan perpecahan ummah. Atas kesedaran ini, dalam usaha membentuk wacana pendidikan akidah dalam kalangan masyarakat awam yang lebih utuh pada masa hadapan, pihak Nizamiyyah Institute telah berusaha mengambil inisiatif bertujuan membentuk pegangan masyarakat Muslim dan membina kefahaman mereka terhadap ajaran akidah yang sahih sekali gus dapat menjadikannya sebagai dasar pegangan. Kefahaman tersebut secara tidak langsung juga berpotensi menjadi penapis saring kepada ajaran atau doktrin akidah yang salah. Kajian ini meneliti kepentingan pendidikan akidah dalam membentuk keutuhan ummah serta meninjau beberapa sumbangan Nizamiyyah Institute terhadap perkembangan pendidikan akidah dalam kalangan masyarakat awam di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah dokumentasi, observasi partisipasi dan temu bual tidak berstruktur bagi mendapatkan data primer berkenaan Nizamiyyah Institute. Hasil kajian mendapati bahawa Nizamiyyah Institute telah menyumbang kepada pembinaan kefahaman masyarakat terhadap pegangan dan pencerahan akidah serta memberi asas kepada pendidikan akidah pada masa hadapan dengan menganjurkan pengajian akidah berkitab secara berkala, menganjurkan program diskusi akidah, menerbitkan buku-buku akidah dan mengedarkan buku-buku akidah daripada penerbit lain. Selain terus mempergiat program-program yang berperanan membina kefahaman akidah masyarakat, kajian ini mencadangkan agar pihak Nizamiyyah Institute dapat memperluas sempadan peranan dengan membuat program kupasan jawapan dan solusi ilmiah terhadap isu-isu akidah semasa seperti ancaman Syiah dan Liberal Muslim.

Kata kunci: Pendidikan akidah, Nizamiyyah Institute, Buku akidah, Diskusi akidah

CONTRIBUTION OF NIZAMIYYAH INSTITUTE TOWARDS THE FUTURE DEVELOPMENT OF PUBLIC 'AQIDAH EDUCATION DISCOURSE

Abstract

'*Aqīdah* is the core of faith and religion for every individual Muslim. It became the main point of validity of all worship practices in life. The sahih and strong faith also plays a role in producing good Muslim individuals in order to create unity and integrity of the ummah. However, today it is often heard that various issues related to the confusion and pollution of '*aqīdah* among the Muslim community stem from the diversity of sources that are loosely exposed to the public. In the future, if this matter is taken lightly, there will be various implications such as corruption of '*aqīdah*, moral collapse and disintegration of the ummah. In an effort to shape the discourse of faith education among the public more fully in the future, the Nizamiyyah Institute has tried to take initiatives aimed at shaping the grip of the Muslim community and building their understanding of the teachings of the legitimate '*aqīdah* when they can make it the basis for control. This understanding also has the potential to censor the teachings or doctrines of false '*aqīdah*. This study examines the importance of '*aqīdah* education in shaping the integrity of the ummah and reviews some of the contributions of the Nizamiyyah Institute to the development of faith education among the general public in Malaysia. This study used unstructured documentation, observation, participation, and interview methods to obtain key data of the Nizamiyyah Institute. The results of the study found that the Nizamiyyah Institute has contributed to the building of the public's understanding of the believing and enlightenment of the '*aqīdah* and providing the basis of future '*aqīdah* education by organising periodic studies on *kitab* '*aqīdah*, organising '*aqīdah* discussion programmes, publishing '*aqīdah* books and distributing '*aqīdah* books from other publishers. In addition to continuing to promote programmes that play a role in building understanding of public trust, this study shows that the Nizamiyyah Institute can expand its role boundaries by creating a stripping of answers and scientific solutions to current '*aqīdah* issues such as the *Shi'ah* threat and Liberal Muslims.

Keywords: '*Aqīdah* education, Nizamiyyah Institute, '*Aqīdah* book, Discussion of '*aqīdah*

PENDAHULUAN

Hala tuju sesebuah masyarakat menuju masa depannya bergantung kepada ilmu pendidikan yang diterima oleh masyarakat tersebut. Masalah pendidikan masa kini bukan melibatkan ketandusan ilmu dan maklumat, tetapi lambakan informasi dan kerencaman sumber rujukan yang mencapah dan pelbagai sehingga mengakibatkan masyarakat semakin bingung dalam mencari arah kehidupan. Ada yang berhasil mencari arah yang benar, ada yang terjerumus dalam situasi yang semakin merosakkan terutama yang memberi dampak terhadap pemikiran akidah sama ada semakin longgar tanpa arah panduan atau semakin ekstrem.

Ilmu akidah sepatutnya berperanan membentuk tingkah laku, amalan dan seluruh kegiatan manusia dalam mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Namun pendidikan akidah kini dilihat mengalami kerancuan dari segi sumber rujukan dan wacana akidah yang benar dan sahih berdasarkan manhaj Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah. Kepelbagaian sumber rujukan tanpa disiplin dan panduan yang jelas menghasilkan pola berfikir masyarakat yang tidak berpegang pada manhaj Islami yang telah disepakati. Melihat kepada keperluan pendidikan akidah pada masa hadapan dalam masyarakat, para pembimbing dan pendidik harus jelas tentang roh dan arah tuju pendidikan ilmu akidah sebagaimana yang dilakukan oleh pihak Nizamiyyah Institute.

Nizamiyyah Institute merupakan sebuah pertubuhan yang giat mengadakan penerbitan dan pendedaran bahan bacaan serta menganjurkan siri wacana yang bertemakan akidah dan

pemikiran Islam. Kewujudannya bagi memenuhi tuntutan masyarakat Muslim khususnya di Malaysia yang memerlukan bimbingan yang sempurna dalam mendalami ilmu seputar usuluddin dan akidah yang benar sebagai usaha memperkasakan pendidikan akidah untuk generasi akan datang.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian memainkan peranan penting dalam sesuatu kajian dengan tujuan memperoleh dan menentu keabsahan sesuatu maklumat. Bagi mendapatkan data primer, kajian ini menggunakan beberapa kaedah kajian iaitu kaedah dokumentasi, observasi partisipasi dan temu bual tidak berstruktur.

Dokumentasi merupakan salah satu kaedah pengumpulan data kualitatif dengan cara melihat dan meneliti dokumen-dokumen yang dibuat sendiri oleh subjek atau dibuat oleh pihak lain mengenai subjek (Albi Anggito & Johan Setiawan, 2018). Kaedah ini digunakan bagi memperoleh maklumat mengenai pengajian akidah dan kepentingannya dalam pembentukan keutuhan ummah dengan melalui penelitian pada penulisan kajian-kajian lepas. Kaedah ini turut digunakan bagi memperoleh beberapa maklumat mengenai Nizamiyyah Institute seperti dokumen tahunan Nizamiyyah Institute, laman rasmi Nizamiyyah Institute dan hantaran-hantaran rasmi di media sosial rasmi Nizamiyyah Institute.

Observasi partisipasi pula merupakan kaedah mengamati dan turut serta secara dekat dengan kelompok subjek kajian dengan cara melibatkan diri secara intensif. Kaedah ini sering dipakai dalam kajian budaya masyarakat. Kaedah ini terdapat beberapa perbezaan dengan observasi biasa seperti pada tujuan, keluasan sudut pandang dan kepekaan (Jogyanto, 2018; M. DeWalt, 2011; Suwardi Endraswara, 2006). Melalui kaedah ini, pengkaji telah turut serta dalam beberapa program-program anjuran Nizamiyyah Institute yang kebanyakannya dilaksanakan secara atas talian.

Temu bual tidak berstruktur adalah merupakan kaedah memperoleh data dengan cara pengkaji menemu bual subjek dengan menanyakan soalan secara spontan (Azzat Mohd Nasurdin et al., 2006). Kaedah ini dapat mengumpulkan pelbagai maklumat asalkan masih berkaitan dengan fokus kajian (Abdul Rahman Abdul Majid, 2007). Untuk kajian ini, pengkaji merupakan instrumen utama dalam pengumpulan data dan analisis data dengan menemu bual sendiri Pengasas-Pengerusi Nizamiyyah Institute, Encik Muhammad Naquiuddin Mohd Said dan Pengurus Besar Operasi Nizamiyyah Institute, Encik Muhammad Hafiz Barham bagi memperoleh maklumat perincian latar belakang dan usaha-usaha memartabat pengajian akidah yang dilakukan oleh pihak Nizamiyyah Institute.

LATAR BELAKANG NIZAMIYYAH INSTITUTE

Nizamiyyah Institute merupakan satu pertubuhan yang menggerakkan wacana program ilmu dan penerbitan buku-buku ilmiah berorientasikan islami. Mula tertubuh pada tahun 2017 hasil perbincangan dua orang sahabat¹ dengan nama asalnya *Bayt al-Ma'rifah*, kemudiannya dengan rasmi ditukar nama kepada Nizamiyyah Institute mengambil semangat dan metodologi ilmu imam al-Ghazali selaku watak penting yang pernah menyandang jawatan profesor di Madrasah Nizamiyyah pada kurun ke-5 hijrah. Menurut pengasasnya kini, nama tersebut juga terinspirasi

¹ Penubuhan Nizamiyyah Institute pada asalnya merupakan cetusan idea hasil perbincangan Muhammad Naquiuddin Mohd Said bersama sahabatnya iaitu Abdul Rauf Baharudin yang masing-masing mempunyai kesedaran mengintelekan masyarakat dan memasyarakatkan keintelektualan. Namun Abdul Rauf terpaksa menarik diri disebabkan mempunyai komitmen lain. Kini Nizamiyyah Institute telah digerakkan oleh Muhammad Naquiuddin Mohd Said dibantu dan disokong oleh beberapa orang staf serta felo-felo yang dilantik.

daripada kajian peringkat falsafah kedoktoran Universiti Malaya oleh Dr. Asyraf Isyraqi Jamil yang bertajuk *Pemikiran Pentadbiran Pendidikan Nizam al-Mulk: Kajian Terhadap Pentadbiran Madrasah Nizamiyyah*.²

Penubuhan Nizamiyyah Institute adalah bertujuan menyemarakkan budaya ilmu dan intelek dalam kalangan masyarakat awam dengan menganjurkan kelas-kelas pengajian dan diskusi serta menerbitkan buku-buku ilmiah. Menurut pengasasnya lagi, penubuhannya merupakan cetusan idea antitesis terhadap penyebaran buku-buku yang menyebarkan pelbagai ideologi yang dilihat berpotensi mengganggu pegangan akidah umat Muslim di Malaysia khususnya. Misalnya buku bertajuk *Islam, Sekularisme dan Demokrasi Liberal* (Nader Hashimi, 2016) dan *Islam Tanpa Keekstreman: Berhujah Untuk Kebebasan* (Mustafa Akyol, 2016) yang kedua-duanya merupakan terbitan Islamic Renaissance Front (IRF).³ Perkara ini juga merupakan gesaan dan cabaran yang sering disebut oleh guru beliau yang merupakan Pensyarah di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya iaitu Dr. Azmil Zainal Abidin dalam pelbagai kuliah.

Nizamiyyah Institute sebagai induk organisasi mempunyai beberapa sayap yang mempunyai peranan dan operasi tersendiri seperti; 1) Nizamiyyah Publications & Distributors yang menguruskan penerbitan; 2) Akademi Nizamiyyah yang menguruskan kelas peribadi dan; 3) Sahabat Nizamiyyah yang menggerakkan aktiviti kesukarelawanan. Ketiga-tiga sayap operasi ini digerakkan oleh pengasas Nizamiyyah Institute dengan bantuan dan kerjasama daripada barisan felo penyelidik dan kenalan rapat.

Nizamiyyah Institute telah menjalin kerjasama dengan beberapa pihak sama ada penganjuran kuliah, penerbitan buku mahupun program-program lain. Antara pihak yang pernah bekerjasama dengan Nizamiyyah Institute adalah Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Pejabat Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar, Malaysia (WOAG Malaysia), Akademi Pengajian Islam Kotemporari (ACIS) UiTM Cawangan Perlis Kampus Arau, Islamic and Strategic Studies Institute (ISSI), Centre For Human Rights Research and Advocacy (CENTHRA), Pusat Tarbiah dan Pengajian Darul Hikmah, Pertubuhan Damai dan Cinta Insani (PENDAMAI), Sinergi Gerakan Mahasiswi (SIGMA), Gabungan Mahasiswa Islam Se-Malaysia GAMIS dan Rumah Sinar Kasih.

PENDIDIKAN AKIDAH TERAS KEUTUHAN UMMAH

Akidah dari segi bahasa berasal daripada perkataan (عقد) 'aqd yang bermaksud ikatan yang kuat dan kukuh serta tidak boleh dipisahkan antara satu dengan yang lain (Ibn Faris, t.t.). Dari aspek istilah pula, akidah bermaksud sesuatu pegangan manusia dalam hatinya secara jizam sama ada pegangan akidah tersebut benar atau pun salah. Pegangan akidah tersebut menjadi pencetus kepada amalan perbuatan ('Ali Jumu'ah, 2011). Dengan erti kata lain, akidah adalah kepercayaan yang tersimpul kukuh dan terikat erat dalam hati sehingga tidak mungkin akan

² Maklumat lanjut mengenai kajian tersebut boleh rujuk; Asyraf Isyraqi Jamil, "Pemikiran Pentadbiran Pendidikan Nizam al-Mulk: Kajian Terhadap Pentadbiran Madrasah Nizamiyyah," Tesis Kedoktoran Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2013.

³ Buku terbitan Islamic Renaissance Front (IRF) ini dibina atas faham liberalisme iaitu sebuah ideologi yang bersandarkan pada idea sekularisasi, kebebasan berfikir dan gagasan kepada inginkan kemajuan. IRF dilihat sebagai satu pertubuhan yang berupaya membuka minda supaya lebih bersikap terbuka. Dengan identiti keterbukaan yang dibawa, IRF membawa idea pembebasan pemikiran umat Islam daripada pemikiran yang jumud dan konservatif serta mereka mendakwa dengan model berfikir sebegini sebagai satu persediaan bagi menghadapi cabaran pemikiran yang mendatang. Antara usaha mereka mempromosikan idea liberalisme adalah dengan penerbitan buku. (Maklumat lanjut mengenai aktiviti IRF boleh dirujuk melalui laman sesawang <https://irfront.net/>)

terhurai. Oleh kerana itu, akidah secara umumnya mempunyai pelbagai corak sama ada akidah yang benar lagi haq, akidah sesat, akidah batil, akidah yang bersifat khayalan dan sangkaan, maka penilai kekuatan sesuatu akidah itu bergantung kepada nilai kekuatan ciri-ciri akidah itu (Siti Sa'adiah & Nor Suhaily, 2009).

Adapun akidah yang benar adalah akidah Islam iaitu keimanan yang jazam bahawa pencipta langit dan bumi adalah Allah iaitu Tuhan bagi sekalian alam dan Dia adalah satu-satunya Tuhan yang Esa serta bersifat dengan segala sifat Kamalat dan suci dan segala kekurangan, tiada satu pun yang menyerupai-Nya. Juga keimanan yang jazam bahawa Nabi Muhammad SAW itu sebagai Nabi dan Rasul Allah yang diutuskan kepada seluruh alam untuk menyampaikan risalah ajaran Islam ('Ali Jumu'ah, 2011). Akidah juga menjadi dasar kepada pelaksanaan dan kepatuhan syariah. Pelaksanaan syariah tidak akan wujud melainkan dengan kewujudan pegangan akidah (Mahmud Shaltut, 1968).

Ringkasnya, akidah yang benar ini bertepatan dengan konsepnya yang berteraskan kepada keimanan kepada Allah sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah dalam firman-Nya:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Terjemahan: *Wahai sekalian manusia! Beribadahlah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang-orang yang) bertaqwa.* (al-Baqarah:21)

Menurut Mohd Fauzi Hamat (2002), terdapat sekurang-kurangnya tiga unsur penting dalam akidah keimanan iaitu kewujudan pegangan yang kuat berasaskan keyakinan, kewujudan elemen ketundukan yang suci dalam hati manusia terhadap apa yang diimaninya dan kewujudan unsur pencetus atau perangsang dalaman pada diri untuk menzahirkan seluruh prinsip keimanannya dalam seluruh aktiviti kehidupan harian. Peranan akidah bukan hanya sekadar pembeza antara 'mukmin' dan 'kafir', tetapi juga menjadi pencetus dalaman utama yang menggerakkan seluruh potensi fizikal dan mental manusia supaya melaksanakan seluruh perintah Allah SWT dalam kehidupannya.

Dalam menyusuri kehidupan, manusia memerlukan kepada akidah atau tauhid yang menjadi dasar penting yang dengannya dapat melaksanakan segala urusan kehidupan manusia. Jika akidah tiada, maka elemen penting kehidupan manusia tidak lagi sempurna, bahkan melahirkan kepincangan dan kesenjangan dalam kehidupan bermasyarakat. Ditambah lagi dengan kewujudan kekacauan dalam kehidupan seharian serta kelahiran masalah lain seperti terputusnya hubungan antara sesama anggota masyarakat, ketiadaan tujuan hidup dan ketiadaan ketenangan (Muhammad Shāmat, 1988; Asming Yalawae et. al., 2011).

Islam mengajar umatnya untuk saling membantu antara satu sama lain agar dapat membentuk perpaduan sesama manusia. Ia bermula dengan menjaga akidah diri sendiri dan sesama Muslim lainnya kerana ajaran akidah tauhid yang benar tidak mengandungi doktrin akidah-akidah lain yang boleh membawa kepada kesamaran. Akidah Islam jelas membenarkan keesaan Allah SWT dan menyembah-Nya (Siti Sa'adiah & Nor Suhaily, 2009).

Akidah merupakan acuan Allah untuk umat Islam membentuk diri, sikap dan pandangan hidup. Setiap individu Muslim perlu yakin bahawa akidah merupakan asas dalam pembinaan kehidupan dan tamadun manusia (Siti Sa'adiah & Nor Suhaily, 2009). Akidah juga menjadi asas penjagaan dan pemeliharaan sesuatu tamadun kerana ia bermula dengan asas yang kukuh. Asas pembangunan insan itu sendiri bermula dengan akidah (Asming Yalawae et. al., 2011).

Dalam tradisi pendidikan Islam sejak berzaman, pembelajaran mengenai akidah amat diutamakan kerana akidah merupakan asas kepada ajaran Islam. Ilmu mengenai akidah terutamanya bertujuan mengenal Allah merupakan ilmu yang paling tinggi dan teragung (Sayyid Sabiq, t.t.). Para pendakwah dan ulama di Alam Melayu telah memberikan pendidikan akidah secara amat serius dan bersungguh-sungguh kepada seluruh umat Melayu. Mereka bukan sekadar menekankan aspek amali yang berkaitan hukum-hakam dan halal haram seperti solat, puasa, zakat, haji, jual beli dan jenayah, bahkan aspek akidah yang membicarakan soal ketuhanan, kenabian dan keghaiban diajarkan kepada pelbagai lapisan masyarakat (Mohd Aizam Mas'od & Mohd Fauzi Hamat, 2018).

Akidah juga berperanan besar dalam proses pembentukan insan yang sempurna dan sebuah masyarakat yang harmoni seterusnya negara yang aman dan sejahtera. Akidah itu sendiri berpotensi mencorakkan seluruh kegiatan manusia, termasuk juga aktiviti pembangunan ummah untuk meletakkan masyarakat dalam capaian kebahagiaan di dunia dan akhirat. Oleh kerana itu, Mohd Fauzi Hamat (2020) sekali lagi menegaskan fungsi dan peranan akidah perlu diambil kira dalam seluruh perancangan kehidupan manusia, terutamanya berkaitan aspek perancangan pembangunan ummah dan program pembangunan negara.

SUMBANGAN NIZAMIYYAH INSTITUTE TERHADAP PERKEMBANGAN MASA HADAPAN WACANA PENDIDIKAN AKIDAH AWAM DI MALAYSIA

Secara umumnya, pendidikan akidah awam di Malaysia berbentuk secara tidak formal tidak seperti pendidikan akidah di peringkat rendah dan peringkat tinggi dalam kurikulum Pendidikan Islam. Daripada itu dapat dilihat pembentukan kefahaman akidah telah mula diperkenalkan secara asas kepada kanak-kanak lagi. Berbekalkan ilmu akidah yang dipelajari secara asas semasa di peringkat sekolah, kanak-kanak ini memasuki alam remaja seterusnya menempuh alam dewasa dan perlu berhadapan dengan cabaran masa hadapan yang semakin kompleks mengikut peredaran zaman. Sehubungan itu, Nizamiyyah Institute tampil menjadi wahana yang menyediakan inisiatif penganjuran wacana pendidikan akidah awam bagi memenuhi keperluan masyarakat di Malaysia melalui pendidikan akidah awam secara tidak formal.

Memang diakui Nizamiyyah Institute lebih terkehadapan menerbitkan pelbagai penerbitan yang berorientasikan keagamaan. Namun melalui makalah ini, usaha dan sumbangan Nizamiyyah Institute yang berorientasikan pembentukan kefahaman akidah awam di Malaysia akan ditumpukan sebagai memenuhi objektif dan skop kajian. Antara usaha dan sumbangan tersebut adalah penganjuran pengajian berkitab, syarahan berkaitan akidah, penerbitan buku-buku berbasiskan akidah, diskusi buku dan mengedarkan buku-buku akidah dari penerbit lain.

a) Pengajian Berkitab

Perkara paling asas dalam usaha Nizamiyyah Institute memartabatkan pengajian akidah adalah dengan menganjurkan beberapa siri pengajian akidah secara berkala bulanan seperti pengajian kitab *al-'Aqīdah al-Hafīdah* yang juga dikenali sebagai *'Aqidah Sughra Sughra al-Sughra* karya al-Imam Muhammad bin Yūsuf al-Sanūsī (833H-894H). Kitab ini dianggap sebagai kitab permulaan bagi mereka yang ingin mempelajari akidah. Pengajian ini disyarahkan oleh Ustaz Zainul Abidin Abdul Halim yang merupakan salah seorang felo Nizamiyyah Institute. Khusus untuk pengajian ini sahaja, ia turut digandingkan bersama wacana fiqh dan tasawwuf dengan mengambil kira kewajipan asasi fardu 'ain yang perlu dituntut oleh setiap diri kaum Muslimin.

Selain itu, turut dianjurkan dua siri kuliah turath pengajian ala pondok. Pengajian pertama menggunakan kitab *Qawa'id al-'Aqaid fi al-Tawhid* karya al-Imam Abu Hamid Muhammad al-Ghazali (450H-505H). Imam al-Ghazali telah menyusun kitab ini sebagai sebuah kitab yang khusus menjelaskan konsep akidah menurut Ahli Sunnah wal Jama'ah. Kitab ini yang pada asalnya dikarang secara berasingan, telah dimuatkan oleh Imam al-Ghazali sendiri dalam karya agung *Ihya' Ulum al-Din*. Kelas pengajian ini dipimpin oleh Ustaz Hazrel Asrar yang merupakan tenaga pengajar di Madrasah Diniyah Bakriah, Pondok Pasir Tumbuh. Pengajian kedua menggunakan kitab Jawi bertajuk *Risalah Kifayah al-Mubtadi* karangan Tuan Guru Haji Abu Bakar bin Ibrahim, Mudir Markaz At Ta'lim Wa Tarbiyah Pondok Bandar Hilir, Teloi Tua Sik, Kedah. Kitab yang ditulis dengan tulisan tangan yang jelas ini membincangkan mengenai rukun-rukun iman dan kandungannya di dalamnya. Kelas pengajian ini dipimpin oleh Ustaz Muhammad Fazilul Helmi atau lebih dikenali sebagai Helmi Assyafie.

Mendapat kepercayaan daripada pihak Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS), Nizamiyyah Institute dijemput bekerjasama menganjurkan pengajian kitab akidah *Umm al-Barahin* karya al-Imam Muhammad bin Yūsuf al-Sanūsī (833H-894H) sehingga khatam. Kelas pengajian ini dibimbing oleh Dr. Ayman al-Akiti yang merupakan pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Felo Kehormat Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

b) Syarahan Berkaitan Akidah

Selain siri pengajian akidah berkitab, Nizamiyyah Institute turut menganjurkan program berbentuk syarahan berkaitan akidah. Antaranya adalah program Siri Syarahan Sejarah Mazhab Asha'irah. Syarahan dijalankan selama empat sesi oleh empat orang pembentang iaitu:

- 1) Ustaz Zainul Abidin Abdul Halim (Felo Nizamiyyah Institute | Penterjemah Buku)
- 2) Dr. Ayman al-Akiti (Pensyarah UIAM | Felo Kehormat IKIM)
- 3) Dr. Ahmad Arif Zulkefli (Pensyarah kanan ACIS, UiTM Melaka)
- 4) Ustaz Izham Hakimi Redzan (Pelajar PhD Universiti Qarawiyin, Dar Hadis Hassaniah)

Selain itu, Nizamiyyah Institute turut menganjurkan siri syarahan falsafah dan pandangan alam Islam bertujuan membentuk pemikiran bahawa kehidupan dunia mesti dinisbahkan pada akhirat secara sangat mesra dan tidak dipisahkan antara keduanya. Islam sebagai al-Din juga meyakini bahawa agama berperanan sebagai sistem kehidupan. Siri syarahan ini dibimbing oleh Dr. Muhammad Husni Mohd Amin yang merupakan Pegawai Penyelidik Kanan Pusat Kajian Sains & Alam Sekitar (KIAS) di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

c) Penerbitan Buku Akidah

Nizamiyyah Institute melalui Nizamiyyah Publications & Distributors secara umumnya telah menerbitkan buku-buku berorientasikan keagamaan yang dapat memberi sumbangan dalam merencanakan wacana keilmuan dalam kalangan masyarakat di tanah air. Dalam usaha memperkukuhkan wacana pengajian akidah masyarakat awam di Malaysia, Nizamiyyah Institute telah menerbitkan beberapa karya bertemakan akidah. Antara buku akidah yang telah diterbitkan adalah;

1. **‘Aqidah, Akal, Ilmu dan Adab.** Buku susunan Zainul Abidin Abdul Halim (2022) ini merupakan garapan dari idea-idea penting imam al-Sanusi dari aspek akidah, akal, ilmu dan adab melalui bentuk pendidikan.
2. **‘Aqidah Ahli Sunnah di Sisi al-Imam al-Nawawi.** Buku terjemahan dan susunan oleh Mohd Saiful Aqil (2021) ini mengupas kerangka akidah *Ahli Sunnah wa al-Jama‘ah* berdasarkan *Sharah Ṣaḥiḥ Muslim* dan *Matan al-Maqāṣid al-Nawawiyyah* oleh al-Imām al-Nawawi. Karya ini merupakan karya pertama dalam bahasa Melayu yang menjelmakan kerangka umum akidah *Ahli Sunnah wa al-Jama‘ah* menurut imam al-Nawawī.⁴
3. **Huraian dan Sharah Aqīdah Ahli Sunnah di Sisi al-Imam al-Nawawī** yang merupakan syarahan penulis Mohd Saiful Aqil (2021). Kedua-dua buah buku ini turut disertakan kata pengantar oleh guru penulis sendiri iaitu Sheikh Dr. Khaleel Ismail Elias al-‘Iraqi.⁵
4. **Sejarah Ringkas Mazhab Ash’ari Di Barat Dunia Islam: Perkembangan, Tokoh-Tokoh Utama, dan Karya-Karya Penting.** Buku ini adalah dari sebuah karya Sheikh Dr. Khalid Zahri, seorang ulama Maghribi kontemporari bertajuk *al-Masadir al-Maghribiyyah li al-‘Aqidah al-‘Ash’ariyyah* yang telah diterjemah dan diringkaskan oleh Zainul Abidin Abdul Halim (2021). Buku ini menghuraikan secara tuntas dan padat berkenaan mazhab akidah ahli sunnah (Ash’ari) dan perkembangannya di bahagian barat dunia Islam, di Maghribi khususnya.⁶
5. **Timbangan Yang Adil: Pada Meluruskan Golongan Ahli Ta’lim** yang merupakan terjemahan oleh Abdullah Zawawi Mohd Zawawi (2021) dari kitab *al-Qistās al-Mustaqīm fi Taqwīm Ahli al-Ta’līm* karya Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī. Karya ini memberi panduan bagaimana cara berfikir dengan disiplin logik yang benar seterusnya membuat suatu tapisan atau cerapan kepada sesuatu ilmu pengetahuan. Imam al-Ghazali turut menghuraikan kesalahan-kesalahan berfikir golongan yang sesat. Buku terjemahan ini turut disertakan kata pengantar dari Dr. Muhammad Ayman al-Akiti.⁷
6. **Agama dan Falsafah** merupakan buku terjemahan dari karya Sheikh Sa‘id Ramadan al-Buti yang bertajuk *al-Din wa al-Falsafah* oleh Abdul Rauf Baharuddin (2018). Buku ini merupakan penjelasan al-Buti mengenai metodologi dalam membuat sesuatu pertimbangan dan penilaian serta menegaskan akidah Islam melalui neraca ilmu menjadi asas kepada kebangkitan dan kemajuan umat ini. Beliau turut melakukan kritikan terhadap idea untuk menggantikan peranan agama dengan falsafah untuk mentadbir sistem kehidupan manusia.⁸

⁴ Mohd Saiful Aqil, *‘Aqidah Ahli Sunnah di Sisi al-Imam al-Nawawi* (Kuala Lumpur: Nizamiyyah Publications & Distributors, 2021).

⁵ Mohd Saiful Aqil, *Huraian dan Sharah Aqīdah Ahli Sunnah di Sisi al-Imam al-Nawawī* (Kuala Lumpur: Nizamiyyah Publications & Distributors, 2021).

⁶ Zainul Abidin Abdul Halim, *Sejarah Ringkas Mazhab Ash’ari di Barat Dunia Islam: Perkembangan, Tokoh-Tokoh Utama, dan Karya-Karya Penting* (Kuala Lumpur: Nizamiyyah Publications & Distributors, 2021).

⁷ Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad al-Ghazali, *al-Qistās al-Mustaqīm fi Taqwīm Ahli al-Ta’līm*. Terj., Abdullah Zawawi Mohd Zawawi, *Timbangan Yang Adil: Pada Meluruskan Golongan Ahli Ta’lim* (Kuala Lumpur: Nizamiyyah Publications & Distributors, 2021).

⁸ Muhammad Sa‘id Ramadan al-Buti, *al-Din wa al-Falsafah*. Terj., Abdul Rauf Baharuddin, *Agama dan Falsafah* (Kuala Lumpur: Nizamiyyah Publications & Distributors, 2018).

7. **Allah atau Manusia** juga merupakan buku terjemahan dari karya Sheikh Sa'id Ramadan al-Buti yang bertajuk *al-Din wa al-Falsafah* oleh Abdul Rauf Baharuddin dan Ahmad Tarmizi Azahar (2018). Buku ini menyentuh pelbagai isu utama seperti hak asasi manusia yang sering disalah fahami oleh segelintir masyarakat terutamanya aliran pemikiran yang menjulang pemikiran Barat. Buku ini menjelaskan bahawa ajaran Islam sejak awal lagi telah mengangkat kedaulatan dan martabat manusia pada pelbagai aspek dengan menonjolkan dimensi keadilan, kesamarataan dan kebebasan dalam Islam mengikut acuan syariat Islam.⁹

d) Diskusi Buku

Daripada buku-buku yang diterbitkan, pihak Nizamiyyah Institute mengambil alternatif dengan menganjurkan beberapa program diskusi buku bertujuan dapat memberi pencerahan terhadap penulisan-penulisan buku tersebut. Antara program diskusi buku yang pernah dianjurkan adalah;

1. **Diskusi Buku Aqidah Ahli Sunnah Di Sisi al-Imam al-Nawawi** yang melibatkan penyusun buku sendiri iaitu Saiful Aqil Naim bersama gurunya, Dr. Azmil Zainal Abidin yang merupakan Pensyarah Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya.
2. **Diskusi Buku Timbangan Yang Adil** yang menggunakan buku *Timbangan yang Adil: Pada Meluruskan Golongan Ahli Ta'lim* telah dipanelkan oleh penterjemah kitab iaitu Abdullah Zawawi dan Profesor Madya Dr. Wan Suhaimi Wan Abdullah yang merupakan pensyarah RZS-CASIS, UTM)
3. **Diskusi Sejarah Ringkas Mazhab Asy'ari di Maghribi** yang menggunakan buku *Sejarah Ringkas Mazhab Asy'ari di Barat Dunia Islam: Perkembangan, Tokoh-tokoh Utama, dan Karya-karya Penting*. Diskusi ini melibatkan penyusun buku tersebut iaitu Zainul Abidin bersama gurunya, Dr. Ayman al-Akiti.

e) Pengedar Buku Akidah Dari Penerbit Lain

1. **Al-Anwar al-Bahiyah: 'ala al-'Aqid al-Durriyyah (syarah matan al-Sanusiyah)** merupakan merupakan terjemahan Ustaz Mahadi Mohammad terhadap kitab *al-'Aqid al-Durriyyah* karya Sheikh Muhammad al-Hashimi dengan tambahan ilustrasi, nota ringkas dan jadual. Buku ini menjelaskan mengenai kandungan makna syahadah yang wajib diimani oleh orang Islam. Buku ini diterbitkan oleh Akademi AlQuran dan Turath Ilmi.¹⁰
2. **Sifat 20 Imam al-Sanusi: Sejarah Ringkas, Perkembangan dan Penghayatannya** merupakan tulisan oleh Ustaz Zainul Abidin mengenai Sifat 20 dan sejarahnya serta hubungan akidah dan tasawuf. Buku ini turut memuatkan *Matan 'Aqidah Imam al-Hawwari*. Buku ini diterbitkan oleh Pusat Tarbiah dan Pengajian Darul Hikmah.¹¹
3. **Ancaman Bahaya Sekularisme** adalah buku tulisan Tuan Guru Zulkifli Ismail yang menjelaskan pendirian Islam terhadap pemikiran Sekularisme. Buku ini merupakan hasil analisis beliau terhadap pemikiran imam al-Ghazali dan para ulama lainnya yang

⁹ Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti, *Allah am al-Insan*. Terj., Abdul Rauf Baharuddin & Ahmad Tarmizi Azahar, *Allah atau Manusia* (Kuala Lumpur: Nizamiyyah Publications & Distributors, 2018).

¹⁰ Mahadi Mohammad, *al-Anwar al-Bahiyah: 'ala al-'Aqid al-Durriyyah (syarah matan al-Sanusiyah)* (Kuala Terengganu: Akademi AlQuran dan Turath Ilmi, 2021).

¹¹ Zainul Abidin Abdul Halim, *Sifat 20 Imam al-Sanusi: Sejarah Ringkas, Perkembangan dan Penghayatannya* (Kuala Nerang: Darul Hikmah, 2020).

telah membongkar kesesatan falsafah dan menolak serangan mereka terhadap akidah Islam. Buku ini diterbitkan oleh Baitul Qurro' Wal Fuqoha'.¹²

KESIMPULAN

Begitulah Nizamiyyah Institute yang berlatarbelakangkan sebuah rumah penerbitan dalam industri perbukuan bergerak secara mandiri sangat optimis dalam menyediakan pengajian berkitab, syarahan berkaitan akidah, penerbitan buku-buku berbasiskan akidah, diskusi buku akidah dan menjadi pengedar bagi buku-buku akidah dari penerbit lain. Pemfokusan seputar pendidikan akidah awam amat dititik beratkan kerana akidah memainkan peranan penting dalam kehidupan diri manusia. Pendidikan akidah sangat penting dalam memberi pencerahan dan pengukuhan dalam kepercayaan agama dan mengelak dari pegangan yang salah. Peranan Nizamiyyah Institute dalam hal ini memberi peluang kepada masyarakat awam di Malaysia mendapatkan pendidikan akidah secara langsung daripada usaha-usaha yang telah dijalankan. Disamping itu, kajian ini turut mencadangkan agar pihak Nizamiyyah Institute dapat memperluas sempadan peranan dengan menyediakan program kupasan jawapan dan solusi ilmiah terhadap isu-isu akidah kini seperti ancaman Syiah dan Liberal Muslim yang menyentuh akar umbi ilmu akidah.

RUJUKAN

- 'Ali Jumu'ah. (2011). *'Aqidah Ahl Sunnah wa al-Jama'ah*. Kaherah: Dar al-Mokattam.
- Abdul Rahman Abdul Majid. (2007). *Guru Sebagai Penyelidik*. Selangor: PTS Publications & Distributors.
- Azzat Mohd Nasuridin, Intan Osman & Zainal Abidin Ahmad. (2006). *Pengantar Pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Albi Anggito & Johan Setiawan. (2018). *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Jawa Barat: CV Jejak.
- Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. (2018). *Al-Din wa al-Falsafah*. Terj., Abdul Rauf Baharuddin, *Agama dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Nizamiyyah Publications & Distributors.
- Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. (2018). *Allah am al-Insan*. Terj. Abdul Rauf Baharuddin & Ahmad Tarmizi Azahar. *Allah atau Manusia*. Kuala Lumpur: Nizamiyyah Publications & Distributors.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. (2021). *Al-Qistās al-Mustaqīm fi Taqwīm Ahli al-Ta'lim*. Terj. Abdullah Zawawi Mohd Zawawi, *Timbangan Yang Adil: Pada Meluruskan Golongan Ahli Ta'lim*. Kuala Lumpur: Nizamiyyah Publications & Distributors.
- Asming Yalawae, Mustafa 'Afifi & Wan Abdul Fattah. (2011). Akidah: Peranan dan Kepentingannya dalam Memelihara Keharmonian Rumah Tangga. *Jurnal Usuluddin* 33: 1-18.
- Asyraf Isyraqi Jamil. (2013). *Pemikiran Pentadbiran Pendidikan Nizam al-Mulk: Kajian Terhadap Pentadbiran Madrasah Nizamiyyah*. Tesis Dr. Fal, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Ibn Faris, *Mu'jam Maqayis al-Lughah* (t.t.). tt: tp.

¹² Zulkifli Ismail, *Ancaman Bahaya Sekularisme* (Sungai Udang: Baitul Qurro' Wal Fuqoha', 2014).

- Jogiyanto Hartono. (2018). *Metoda Pengumpulan dan Teknik Analisis Data*. Yogyakarta: ANDI.
- Kathleen M. DeWalt, Kathleen Musante. (2011). *Participant Observation: A Guide for Fieldworkers*. Maryland: AltaMira.
- Mahadi Mohammad. (2021). *Al-Anwar al-Bahiyyah: 'ala al-'Aqid al-Durriyyah (syarah matan al-Sanusiyyah)*. Kuala Terengganu: Akademi AlQuran dan Turath Ilmi.
- Mohd Aizam Mas'od dan Mohd Fauzi Hamat. (2018). Sikap Syiah Terhadap Sahabat dalam Karya-Karya Syiah Berbahasa Melayu: Satu Sorotan Ringkas. *Jurnal Penyelidikan Islam* 30: 161-186.
- Mohd Fauzi Hamat. (2002). Peranan Akidah dalam Perancangan Pembangunan Ummah: Satu Analisis dalam Konteks Masyarakat Kini. *Jurnal Usuluddin* 16: 13-34.
- Mohd Saiful Aqil. (2021). *'Aqidah Ahli Sunnah di Sisi al-Imam al-Nawawi*. Kuala Lumpur: Nizamiyyah Publications & Distributors.
- Mohd Saiful Aqil. (2021). *Huraian dan Sharah Aqīdah Ahli Sunnah di Sisi al-Imam al-Nawawī*. Kuala Lumpur: Nizamiyyah Publications & Distributors.
- Muhammad Shāmat. (1988). *Al-Islām Dīn wa Dunyā*. Kaherah: t.p..
- Sayyid Sabiq. (t.t.). *Al-'Aqid al-Islamiyyah*. Kaherah: al-Fath li Flam al-'Arab.
- Siti Sa'adiah Shafik & Nor Suhaily Abu Bakar. (2009). Tauhid Membina Keutuhan Akidah Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 2: 81-101.
- Suwardi Endraswara. (2006). *Metode, Teori, Teknik Penelitian Kebudayaan*. Tangerang: Agromedia Pustaka.
- Zainul Abidin Abdul Halim. (2022). *'Aqidah, Akal, Ilmu dan Adab: Asas Pendidikan Imam al-Sanusi*. Kuala Lumpur: Nizamiyyah Publications & Distributors.
- Zainul Abidin Abdul Halim. (2021). *Sejarah Ringkas Mazhab Ash'ari di Barat Dunia Islam: Perkembangan, Tokoh-Tokoh Utama, dan Karya-Karya Penting*. Kuala Lumpur: Nizamiyyah Publications & Distributors.
- Zainul Abidin Abdul Halim. (2020). *Sifat 20 Imam al-Sanusi: Sejarah Ringkas, Perkembangan dan Penghayatannya*. Kuala Nerang: Darul Hikmah.
- Zulkifli Ismail. (2014). *Ancaman Bahaya Sekularisme*. Sungai Udang: Baitul Qurro' Wal Fuqoha'.